



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	27/8/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	TNB			

TNB rekod untung, pulih berperingkat

Oleh **NURFARAHIN HUSSIN**
utusannews@mediamaksa.com.my

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) melaporkan pemulihan berperingkat prestasinya dalam separuh pertama tahun kewangan 2021 selepas mencatat keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM1.8 bilion, meningkat daripada RM1.4 bilion pada tempoh sama tahun lalu.

Prestasi positif itu dipacu peningkatan aktiviti ekonomi dan pemulihan permintaan sektor industri namun masih rendah berbanding separuh pertama 2019 (sebelum pandemik) pada RM2.65 bilion.

Jualan elektrik meningkat sebanyak 4.9 peratus kepada 59,304 GWh berbanding tempoh sama tahun lalu, manakala

pertumbuhan permintaan dipacu oleh sektor industri yang menunjukkan peningkatan permintaan sebanyak 15.4 peratus.

Margin pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) kekal pada 40.6 peratus dalam separuh pertama 2021, berikutan peningkatan dalam pendapatan yang menyederhana disebabkan perbelanjaan lebih tinggi sebanyak RM507.2 juta yang sebahagian besarnya disebabkan kos bukan penjaan dan peruntukkan lebih tinggi untuk hutang ragu sebanyak RM326.6 juta bagi tempoh itu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, pemulihan secara berperingkat dilihat pada EBITDA dan PAT sebahagian besarnya berikutan pendapatan elek-



BAHARIN DIN

trik Kumpulan yang lebih tinggi disebabkan pembukaan semula perniagaan tahun ini.

"Prestasi anak-anak syarikat kami juga semakin meningkat oleh kerana lebih banyak perniagaan dibenarkan untuk beroperasi.

"Meskipun dalam persekitaran yang mencabar, TNB terus menepati polisi dividen dengan memberi pemegang saham bayaran dividen interim sebanyak RM1.26 bilion, bersamaan dengan dividen sesaham sebanyak 22 sen," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Baharin turut mengumumkan hala tuju kelestarian TNB dengan aspirasi mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050, ke arah dekarbonisasi dan tenaga boleh diperbaharui (RE).

Ujarnya, hala tuju baharu itu adalah terjemahan jelas matlamat kelestarian TNB bermula 2016 dengan pelancaran plan strategik *Reimagining* TNB.

"Menjelang ke arah komitmen 2035, kami akan terus menambah baik kecekapan loji termal

sedua ada dan meningkatkan portfolio penjaan tenaga boleh diperbaharui. Sasaran kami adalah untuk mencapai 8,300MW RE menjelang 2025.

"Kami percaya fitik lengkung balas antara 2035 dan 2040 akan menentukan kadar trajektori sifar bersih kami. Justeru, dalam menuju ke tahap itu, TNB komited untuk membangunkan solusi penyimpanan tenaga dan kini dalam perbincangan dengan kerajaan untuk melaksanakannya sebagai satu langkah bagi pertumbuhan RE.

"TNB juga komited untuk memacu pelaburan dalam teknologi hijau baharu seperti hidrogen hijau serta pemerangkapan dan penggunaan karbon (CCU) sebaik sahaja ia berdaya maju secara ekonomi," tambahnya.

UM, 27 Ogos
2021_30

AWAL tahun ini, TNB menyatakan komitmennya untuk tidak lagi melabur dalam pembinaan loji arang batu di atas tapak baharu (greenfield) selepas Jimah East Power yang mula beroperasi pada 2019. - GAMBAR/TNB

